

**Tarikh** : 18 JULAI 2019  
**Rujukan Kami** : OLYMPIAD2019/INVITATION

Kepada:  
Pengetua

U/P : Ketua Panitia Sains & Bahasa Inggeris  
: Ketua Jabatan Sains & Ketua Unit Bahasa Inggeris

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN MALAYSIAN EARTH SCIENCE OLYMPIAD (MyESO)  
MALAYSIAN COMPUTATIONAL LINGUISTICS OLYMPIAD (MyCLO) DAN MALAYSIAN ASTRONOMY  
OLYMPIAD (MyAO) 2019**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kami sangat berbesar hati menjemput sekolah Tuan/Puan untuk menyertai pertandingan olimpiad peringkat kebangsaan seperti berikut:

- i. ***Malaysian Earth Science Olympiad (MyESO) 2019***
- ii. ***Malaysian Computational Linguistics Olympiad (MyCLO) 2019***
- iii. ***Malaysian Astronomy Olympiad (MyAO) 2019***

Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kami telah menyenarai pendek beberapa sekolah yang terpilih untuk menyertai pertandingan peringkat kebangsaan ini.

3. Butiran pertandingan adalah seperti berikut

**Tarikh** : 19 Oktober 2019  
**Tempat** : Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Terengganu, Melaka dan Sarawak  
(Venue sebenar akan dimaklumkan kemudian)

Tentatif	Masa	Aturcara
	08.30 am - 09.00 am	Pendaftaran MyESO
	09.00 am - 11.30 am	MyESO
	11.30 am - 12.00 pm	Rehat & Pendaftaran MyCLO
	12.00 pm - 03.00 pm	MyCLO
	03.00 pm - 03.30 pm	Rehat & Pendaftaran MyAO
	03.30 pm - 06.00 pm	MyAO
	06.00 pm	Bersurai

**Yuran** : RM35.00 per peserta bagi setiap pertandingan  
**Pengangkutan** : Tidak ditanggung  
**Makanan** : Tidak ditanggung  
**Penginapan** : Tidak ditanggung  
**Pakaian** : Pakaian kasual dan berkasut

4. Kesemua pertandingan ini merupakan pertandingan tahunan yang memperkenalkan topik-topik dalam bidang sains bumi dan astronomi kepada pelajar sekolah menengah dan pra-universiti. Penganjuran pertandingan ini merupakan salah satu inisiatif untuk menyahut seruan kerajaan dalam memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengaplikasikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam konteks dunia sebenar.
5. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, objektif utama pertandingan ini adalah untuk membentuk pasukan kebangsaan yang akan diwakili 4 hingga 8 orang pelajar untuk bersaing dalam pertandingan olimpiad antarabangsa berikut:
- i. **International Earth Science Olympiad (IESO) - Rusia, Ogos 2020**
  - ii. **International Linguistics Olympiad (IOL) - Latvia, Julai 2020**
  - iii. **International Astronomy Olympiad (IAO) - TBC, Oktober 2020**
6. Kesemua pertandingan ini diiktiraf sebagai salah satu antara **12 pertandingan olimpiad sains antarabangsa**. Kesemuanya merupakan aktiviti utama yang dianjurkan oleh badan antarabangsa seperti *International Geoscience Education Organization (IGEO)* dan *Euro-Asian Astronomical Society* yang diadakan secara tahunan khas untuk pelajar sekolah menengah dan pra-universiti. Setakat tahun 2019, 38 buah negara telah menyertai IESO, 43 buah negara telah menyertai IOL dan 14 buah negara telah menyertai IAO termasuk Malaysia.
7. Objektif utama pertandingan olimpiad antarabangsa ini adalah untuk menggalakkan minat para pelajar dan merancakkan sistem pembelajaran serta pengajaran dalam bidang tersebut di peringkat sekolah. Selain itu, pertandingan ini juga bertujuan untuk merapatkan hubungan sesama peserta dari negara-negara seluruh dunia dan menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam pertukaran idea serta bahan dalam memajukan lagi pendidikan dalam bidang tersebut.
8. Perjalanan kesemua pertandingan ini melibatkan empat peringkat utama sebelum terbentuknya pasukan kebangsaan, iaitu; (i) **Pusingan Kelayakan**, (ii) **Pusingan Akhir**, (iii) **Kem Latihan Kebangsaan** dan (iv) **Olimpiad Antarabangsa**. Pertandingan-pertandingan ini juga telah diiktiraf penganjurannya oleh **Kementerian Pendidikan Malaysia**, yang membolehkan para peserta mendapat markah kokurikulum.
9. Justeru, kami percaya dengan sokongan dan penyertaan daripada pihak Tuan/Puan, kami akan dapat membentuk sebuah pasukan kebangsaan yang terbaik untuk terus bersaing dalam peringkat antarabangsa.
10. Untuk sebarang maklumat lebih lanjut dan pendaftaran, sila rujuk **Information Pack** yang dilampirkan bersama-sama surat ini, atau layari laman web rasmi kami. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami melalui panggilan telefon, emel atau aplikasi *Whatsapp* (butiran seperti yang tertera di *Information Pack*). Kami sentiasa mengalu-alukan penyertaan dari pihak tuan/puan.

Kerjasama dari pihak tuan/puan kami dahului dengan ribuan terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

  
.....  
**M. SUHAIMI BIN RAMLY**  
Pengarah  
Ardent Educational Consultants Sdn Bhd